

*Sejarah
Kerajaan
Melayu
Patani*

سجڙاڙه
ڪراچاڙ ملايو
ڦٽي پاتي

IBRAHIM SYUKRI

Sejarah Kerajaan Melayu Patani

IBRAHIM SYUKRI

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BANGI • 2002

<http://www.penerbit.ukm.my>

PUSTAKA PERDANA



1005968



Kandungan

Senarai gambar dan carta ... 7

Prakata Editor ... 9

Pendahuluan ... 13

Bab 1

Tanah Melayu pada Zaman Purbakala ... 15

Bab 2

Pembangunan Negeri Patani dan Keturunan Raja-rajanya ... 29

Bab 3

Pemerintahan Patani pada Zaman Kejatuhan ... 66

Bab 4

Negeri Patani Zaman Kebangkitan ... 101

Pesanan ... 123

Indeks ... 125

Prakata Editor

Buku *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*, selepas ini disebut sebagai *Sejarah Patani* dikarang oleh Ibrahim Syukri, adalah genre pertama teks sejarah Patani menurut bentuk baru yang amat berpengaruh kepada masyarakat Melayu Patani khususnya dan juga menjadi teks rujukan utama kepada penulis sejarah Patani terkemudiannya. Jika dibandingkan dengan *Hikayat Patani* yang masih dalam bentuk hikayat, *Sejarah Patani* adalah sebuah teks sejarah yang ditulis dengan kaedah dan tujuan yang nampaknya jelas kepada pengarang. Dalam Prakata ini kami akan memberi sedikit huraian mengenai teks yang diulang cetak oleh Penerbit UKM.

Pada kulit buku *Sejarah Patani* yang dicetak dalam Jawi, Ibrahim Syukri dicatat sebagai penyusun: *disusun oleh Ibrahim Syukri*. Ini tentunya suatu yang terkeluar daripada gaya penulisan berunsur hikayat seperti yang ditemui dalam karya sejarah Patani sebelumnya. Walaupun erti *disusun* dalam bidang penerbitan dapat disamakan dengan *disunting oleh*, tetapi kami berpandangan buku ini dikarang oleh Ibrahim Syukri. Kemudian timbul pula kenyataan dalam halaman judul buku itu frasa: *dicap oleh Tengku Zainab binti Tengku Abdul Mutalib*, Pasir Putih, Kelantan. Perkara yang menarik di sini ialah perkataan *dicap oleh* yang bererti *dicetak oleh*. Ini juga suatu hal yang berlainan dalam rukun penerbitan kerana lazimnya nama pencetak yang dicatat sebagai pencetak buku tersebut.

Tetapi apa yang hendak kami bincang di sini ialah buku ini menimbulkan persoalan kontroversi mengenai nama pengarangnya atau penyusunnya. Ibrahim Syukri dianggap sebagai nama samaran kepada penulis sebenar. Siapakah pula penulis sebenar *Sejarah Patani* ini jika bukan Ibrahim Syukri. Ramai pula yang berpendapat nama tersebut dikaitkan kepada Almarhum Yang Mulia Tengku Abdul Jalal bin Almarhum Tengku Abdul Mutalib, tokoh perjuangan Patani. Bahkan rakaman buku ini “dicap oleh Tengku Zainab binti Tengku Abdul Mutalib”, saudara Tengku Abdul Jalal sendiri. Kakandanya, Tengku Abdul Kadir Petra atau dikenali sebagai Tengku Petra pernah menyusun sebuah buku sejarah Patani. Mungkin maklumat ini berdasarkan karya kakandanya itu. Seterusnya ada yang berpendapat bahawa nama Ibrahim Syukri adalah paduan dua nama yang

berusaha menyusun buku ini, Ibrahim dan Syukri. Kebetulan nama Ibrahim Mustafa pernah dilantik sebagai Pegawai Penerangan GEMPAR sebuah pertubuhan politik perjuangan Patani dan nama Syukri daripada nama Asaad Syukri Haji Muda, penulis buku-buku sejarah Kelantan yang pernah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa GEMPAR. Atau mungkin Ibrahim Syukri adalah sememangnya nama batang tubuh penulis buku ini. Walau apa pun tanggapan pembaca dan peminat sejarah Patani, namun mereka terus beranggapan bahawa Tengku Abdul Jalal adalah penulisnya, tetapi beliau sendiri menafikannya. Dalam hal ini kami mengambil pendekatan tekstual bahawa pengarang buku ini ialah Ibrahim Syukri. Sama ada nama itu nama sebenar atau nama samaran tidaklah menjadi lain daripada itu melainkan orang yang sama. *Wallahua'lam*.

Sungguhpun pendedaran dan penerbitannya telah lama diharamkan namun buku ini terus diperkatakan keunggulan penulisannya oleh sarjana tempatan mahupun sarjana Barat. Tidaklah diketahui dengan tepat tahun penerbitannya, ramai yang mendakwa diterbitkan tahun 1961 tetapi pada naskhah peribadi terdapat cap pada kulit dalam buku itu dengan catatan tarikh dikeluarkan pada 15 Oktober 1958. Ini dapat dimaksudkan bahawa buku ini dicetak dan diterbitkan pada tahun 1958.

Sarjana Barat William R. Roff pernah membuat ulasan mengenai buku ini dalam *Peninjau Sejarah*, 1(3), 1968, Universiti Malaya. Menurutnya kerja-kerja penyusunan buku ini dibuat oleh sekumpulan mereka yang menginsafi betapa pentingnya sejarah perjuangan rakyat Patani dibukukan buat tatapan generasi akan datang. Mereka inilah yang bersusah payah mengumpul bahan-bahan lisan dan tulisan lantaran diterbitkan oleh Matba'ah Majlis Agama Islam Kelantan. Masyarakat Melayu Patani yang berhijrah ke Kelantan selepas Perang Dunia Kedua, dan setelah kegagalan mereka menuntut kemerdekaan atas desakan pihak berkuasa Siam maka pihak Kerajaan British di Kota Bharu mengenakan tindakan undang-undang memindahkan mereka ke Jajahan Pasir Putih. Atas kesedaran politik dan sejarah, bersama suasana ketegangan emosi yang memuncak maka kandungan buku ini bersifat provokatif yang diselubungi kemarahan. Antara lain jelas William R. Roff:

In the course of doing a little work in connections with it a few months ago, I discovered the existence, in Pasir Putih, of a sizeble community of Patani Malays, who seem to have come there from South Thailand in two or more waves, before the war and after the war. It is some of these people who help to produce the book, and thought the subject has, as the title indicates, political overstone, I think that these community is of sociological-historical interest in its own right. Had it not been for the book, I, at any rate, would not have been aware of this.

(William R. Roff, 1968).

Melihatkan struktur ayat dan gaya penulisan yang masih berbau bahasa

kitab membayangkan bahawa penulisnya mendapat didikan pengajian pondok yang menjadi pendidikan formal masyarakat Melayu Patani. Bagaimana pun rujukan kepada buku-buku seperti *Sejarah Alam Melayu* karya Abdul Hadi Hassan, terbitan 1952, sumber terulung *Sejarah Melayu*, sumber-sumber sarjana Barat mahupun sumber Siam karya W.A.R. Wood, terbitan 1924, turut digunakan yang dapat mengangkat karya ini sebagai teks sejarah. Sungguhpun penghasilannya berdasarkan sentimen kebencian terhadap pihak berkuasa Siam yang menindas dan menzalimi umat Islam Patani seperti yang terkandung dalam rakaman sejarahnya namun percubaan Ibrahim Syukri yang tidak terikat kepada adunan sejarah lama harus dipuji. Apa juga tanggapannya, buku yang dicurigai akan menyalakan semangat perjuangan Islam Patani menjadi lebih memuncak, tambahan pula menjadi ciri-ciri perjanjian bersama antara pihak berkuasa British dan Kerajaan Siam maka tindakan undang-undang telah dikenakan. Sejurus selepas penganterannya, Kerajaan Tanah Melayu dan pihak Siam mengharamkan penganteran dan penerbitan edisi asal Jawi di pasaran.

Pengharaman *Sejarah Patani* menyebabkan dalam tempoh beberapa dekad, pengetahuan umum mengenai sejarah Patani tandus. Patani terpinggir jauh dalam media-media cetak di Tanah Melayu demi untuk mengawal isu-isu sempadan yang boleh mencetuskan kebimbangan kedua-dua negara yang berjiran. Sehingga kelahiran buku Mohd. Zamberi Abdul Malek, *Umat Islam Patani: Sejarah dan Politik*, terbitan 1993, merupakan karya tulisan rumi yang pertama mengenai Patani muncul dan memberi tenaga dan obor sejarah Melayu amnya dan sejarah Patani khususnya. Betapa pun kemunculan sarjana mahupun penulis sejarah tempatan ataupun Barat yang menghasilkan karya-karya mereka namun buku *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*, ini tetap dijadikan rujukan penting dan unggul.

Pada 1985, pihak Ohio University, Amerika Syarikat, menerusi sarjana C. Bailey dan J.N. Miksic telah menterjemahkan buku *Sejarah Kerajaan Melayu Patani* ke dalam bahasa Inggeris dengan judul *History of the Malay Kingdom of Patani*. Kedudukan ini membuktikan lagi betapa besarnya nilai karya ini kepada kita semua. Dalam kesempatan inilah juga Penerbit UKM turut merasa pentingnya buku ini diterbitkan semula dalam edisi Rumi dan Jawi sebagai tatapan masyarakat Melayu Nusantara sesuai dengan kewujudan siri-siri terbitan Penerbit UKM seperti - siri Alam dan Tamadun Melayu, siri Pustaka Ilmu dan penerbitan siri Patani.

Satu lagi perkara yang harus dijelaskan di sini, penerbitan buku ini adalah semata-mata sebagai lanjutan daripada kegiatan penerbitan mengenai Alam Melayu, keduanya penerbitan edisi Rumi dan Jawi adalah dengan dua tujuan. Tujuan pertama agar pembaca Jawi dapat terus menikmati tradisi bahasa Melayu yang menjadi *lingua franca*. Tujuan kedua agar rakaman sejarah Patani ini menjadi tatapan pembaca generasi baru bagi generasi Melayu Patani dan Melayu Nusantara.

Penerbitan edisi ini juga bukan penerbitan sebuah kajian teks tetapi lebih

merupakan percetakan semula dan merumikan edisi Jawi. Dengan itu kelemahan atau kesilapan asal yang terdapat dalam teks Jawi terus dikekalkan. Edisi Rumi-nya memakai ejaan Rumi baru yang terpakai, manakala nama tempat dan nama individu wilayah Selatan Thai disesuaikan dengan ejaan rasmi yang diterima pakai di situ.

Pada kesempatan ini kami ingin juga menarik perhatian pembaca kepada beberapa catatan mengenai teks *Sejarah Kerajaan Melayu Patani* ini. Sehingga 1950-an nilai sejarah teks ini dapat dianggap amat tinggi. Berkait dengan nilai sejarah Patani itu elok kami perturunkan petikan berikut:

Patani pun terlalu ramai sehingga menjadi sebuah kota yang besar sekali serta penuh dengan rumah yang bersesak-sesak banyaknya iaitu mulai dari Pintu Kota Raja hingga sampai ke Kampung Bandar tiadalah keputusan rumah. Jika sekiranya seekor kucing berjalan di atas bumbung rumah-rumah itu mulai dari pangkal kota hingga ke hujungnya boleh dijalanai terus sahaja dengan tidak payah lagi turun berjalan di tanah. (hlm. 61).

Teks ini berasal daripada laporan seorang peniaga dan penulis Inggeris bernama Alexander Hamilton yang melawat Patani sekitar awal tahun 1700-an.

Teks berikut pula mempunyai nilai bahasa yang unik, mungkin sekali pengaruh bahasa hikayat atau bahasa Melayu Patani. Teksnya berbunyi, "Semenjak itu kita makin bertambah mendapat kemalangan, barang-barang dagangan kita banyak terkena curi hampir-hampir 280 kayu kain telah dicuri peti saya." atau sahaja, ayatnya sedia salah? Kekuatan bahasa penulis pula dapat dilihat pada teks berikut:

... tetapi dengan kerana demokrasi Siam-Thai itu ada berkelas-kelas dan bersetakat jadilah nasib orang-orang Melayu itu *seperti pokok kaduk tak naik junjung, hanya sentiasa merengkuk di pangkal junjung* (hlm. 162).

Elok juga kami mengakhiri prakata ini dengan memetik pesanan yang tepat untuk semua orang, khususnya untuk orang Melayu Patani yang berbunyi, "Sesungguhnya nasib orang-orang Melayu Patani tidak harus diletakkan dalam tangan pemerintahan Siam-Thai tetapi langkah memperbaiki nasib kedudukan mereka adalah terletak di dalam tangan mereka sendiri." Dengan pesanan ini jugalah kami mempersembahkan buku ini menjadi tatapan pembaca Melayu Patani khususnya dan Melayu Nusantara amnya, sebagai sebuah pelajaran sejarah untuk bangsa dan agama. Selamat membaca.

Hasrom bin Haron, Pengarah Penerbitan.
Mohd Zamberi A. Malek, Karyawan Tamu,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

11 Mei 2002 /
28 Safar 1423

Pendahuluan

Adapun pekerjaan mengatur dan menyusun buku, *Sejarah Kerajaan Melayu Patani* ini ialah suatu pekerjaan yang sangat sukar dan payah serta telah menggunakan masa yang sangat lanjut bagi mendapatkan keterangan atau kenyataan yang sah dan betul dengan kejadian yang sebenar. Sekalipun ada juga orang-orang tua dalam Patani yang telah menuliskan cerita-ceritanya sedikit sebanyak tetapi kebanyakan daripadanya ialah cerita-cerita dongeng yang tidak munasabah atau percakapan yang tiada berguna dan tiada mustahak untuk dijadikan tawarikh yang kekal. Dalam hal itu pun mereka sangat sayang hingga naskhah-naskhah tulisan tangan itu disimpan dengan kemasnya serta tidak suka memberitahu kepada siapa-siapa pun. Akan tetapi penulis telah berusaha dengan bersusah payah mengumpul cerita-cerita itu sama ada dipinjam ataupun disewa daripada tuan-tuannya. Maka di antaranya penulis telah dapati adalah sebuah naskhah tulisan tangan yang lebih hampir dengan kebenaran dan boleh dibuat panduan dalam usaha menyusun buku ini. Kepada tuan punya naskhah tersebut penulis ucapkan ribuan terima kasih. Kemudian penulis mulai menyelidiki dan membandingkan semula dengan halusi dan dengan menyaksikan bekas-bekas atau kesan-kesan lama yang masih ada bertaburan dalam Patani pada hari ini. Penulis telah menggunakan usaha yang besar dan masa yang lama mencari keterangan-keterangan yang lanjut dalam buku tawarikh yang ditulis dalam bahasa asing serta pergi mencari dalam gedung perpustakaan mereka dengan beberapa lamanya. Akhirnya dapatlah penulis menyusun dan mengatur segala pati-pati yang telah ditapis itu hingga jadilah ia sebuah buku yang kecil seperti yang ada dalam tangan tuan-tuan pembaca ini.

Dengan hal itu pun penulis percaya juga bahawa susunan dan isi cerita dalam buku ini tiada akan melengkapkan semua kejadian dan

perubahan yang berlaku dalam masa beratus-ratus tahun semenjak dari abad pembangunan Kerajaan Melayu Patani. Istimewa penulis khuatir kalau ada juga ternyata kesalahan riwayat atau pendapat seperti yang ditulis dalam buku ini. Tetapi penulis cuba juga menyusunnya kerana didapati hari ini belum lagi ada buku-buku tawarikh atau sejarah yang ditulis dalam Bahasa Melayu berkenaan dengan hal ehwal dan sejarah yang mengenai dengan riwayat pembangunan Kerajaan Melayu Patani itu. Hingga banyak pula di antara orang-orang Melayu Patani hari ini tiada mengetahui akan hal ehwal yang mengenai dengan kerajaan mereka pada zaman purbakala iaitu pada masa Kerajaan Melayu Patani sedang berdaulat dan berkekuasaan penuh dahulu. Mudah-mudahan dengan buku yang kecil ini dapatlah mereka mengetahui dengan sedikit sebanyak serta mengambil tahu hal ehwal datuk nenek mereka yang telah meninggal beberapa lamanya itu. Istimewa diharap buku ini akan menjadi pusaka yang kekal kepada anak-anak cucu mereka yang akan lahir di belakang hari serta menggalakkan mereka itu pada menyiasat dan menyusun buku yang seumpama ini dengan lebih lengkap lagi.

Sekiranya tuan-tuan pembaca dapati kesalahan dalam susunan penulis ini maka besarlah harapan penulis mendapat maaf dan teguran secara membina supaya boleh dibetulkan semula serta penulis mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih jua. Wassalam.

Maaf dan salam dari penulis
Ibrahim Syukri